



KAYUHAN AMAL PKB: PERKASAKAN KECERGASAN STAF, AGIH SUMBANGAN BUAT ASNAF

Buletin بواليتین دارالنعيم

MINGGUAN

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | SYAABAN 1446H | 16-20 FEBRUARI 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

MAIK CATAK REKOD AGIHAN ZAKAT
RM269.4 JUTA, MENINGKAT 15
PERATUS BERBANDING TAHUN 2023

KELANTAN GOLD TRADE
CATAK JUALAN RM15.7 JUTA
TAHUN 2024

KERAJAAN KELANTAN BAKAL
GUBAL DASAR PERUMAHAN
BAHARU RMMK 2025

GARIS PANDUAN PENGLIBATAN ORANG ISLAM DALAM PERAYAAN KEAGAMAAN SELAIN ISLAM PERLU DISEGERAKAN

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 18 Februari- Kerajaan Negeri Kelantan menyarankan agar Garis Panduan Penglibatan Orang Islam Dalam Perayaan Keagamaan Selain Islam segera dimuktamadkan demi memastikan keharmonian dan kesajahteraan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, YB Mohd Asri Mat Daud berkata, garis panduan tersebut adalah perlu bagi memberi panduan jelas kepada umat Islam dalam menghadiri perayaan keagamaan selain Islam.

Beliau menegaskan, garis panduan yang dicadangkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah bersesuaian dengan beberapa fatwa sedia ada seperti yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang bersidang pada 12 Jun 2007, fatwa dari Majlis Agama Islam Negeri Johor, Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-113 yang bersidang pada 22 Januari 2019 dan Mesyuarat Jemaah Ulamak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang bersidang kali ke-2 pada 25 Mac 1987.

“Kesemua fatwa ini telah sedia wujud dan jika dihimpunkan dengan tersusun, ia boleh dijadikan sebagai garis panduan oleh umat Islam dalam memahami tuntutan untuk menghadiri perayaan keagamaan selain Islam.

“Garis panduan ini juga boleh dijadikan sempadan oleh orang Islam dan bukan Islam untuk menyusun program-program perayaan

GARIS PANDUAN PENGLIBATAN ORANG ISLAM DALAM PERAYAAN KEAGAMAAN SELAIN ISLAM PERLU DISEGERAKAN

“
Justeru, mengambil beberapa hujah keharmonian dan panduan yang melibatkan *umat Islam sahaja* serta sebagai suatu penyelarasan pentadbiran sebagai rujukan, *Kerajaan Negeri Kelantan* berpandangan garis panduan ini adalah *sewjarnya* dibuat dan menjadi keperluan khasnya sebagai panduan *umat Islam* dalam menghadiri perayaan keagamaan selain Islam dalam *masyarakat majmuk Malaysia*.
“Penghayatan Membangun Bersama Islam”
YB USTAZ MOHD ASRI BIN MAT DAUD
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan Dan Hubungan Seranta Negeri Kelantan
18 Syaaban 1446H / 17 Februari 2025M

Ustaz Asri **Ustaz Mohd Asri** **@Ustazasridaud**

terutama melibatkan perayaan selain Islam terhadap orang Islam”.

Beliau berkata demikian menerusi satu catatan di media sosial miliknya, hari ini.

Jelasnya lagi, garis panduan tersebut akan membantu masyarakat yang berbilang kaum dan agama memahami perbezaan antara perayaan keagamaan dan perayaan bangsa.

“Dengan memahami perbezaan perayaan keagamaan dan perayaan bangsa, maka ia akan dapat mengelakkan pertikaian yang melibatkan agama. Ini akan mewujudkan suasana saling menghormati dan mengelakkan persengketaan antara agama, sekali gus meningkatkan keharmonian dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama”, ujarnya.

Untuk rekod, JAKIM melalui

Menteri Hal Ehwal Islam baru-baru ini telah mengumumkan garis panduan penglibatan orang Islam dalam perayaan keagamaan bukan Islam yang akan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) kali ke-126, namun garis panduan tersebut ditarik balik daripada dibentangkan dalam Mesyuarat Kabinet.

MAIK CATAK REKOD AGIHAN ZAKAT RM269.4 JUTA, MENINGKAT 15 PERATUS BERBANDING TAHUN 2023



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 20 Februari – Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) mencatat sejarah baharu dalam pengagihan zakat apabila menyalurkan RM269,417,035 kepada asnaf bagi tahun 2024, meningkat 15 peratus berbanding RM233,627,386 pada tahun sebelumnya.

Yang Dipertua MAIK yang juga Tengku Temenggong Kelantan YBM Tengku Tan Sri Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz berkata, kenaikan tersebut sejajar dengan peningkatan kutipan zakat

yang berjumlah RM296.5 juta, berbanding RM257.09 juta pada tahun 2023.

Dana berjumlah RM118,475,676 telah diperuntukkan untuk Asnaf Fisabilillah, menjadikannya segmen terbesar dalam agihan zakat MAIK.

“Perbelanjaan ini merangkumi pelbagai program pembangunan ummah, pendidikan Islam serta bantuan kepada institusi keagamaan.

“Kutipan zakat tertinggi diperoleh daripada zakat pendapatan dengan jumlah RM185.3 juta, meningkat sebanyak 17 peratus

atau RM27.3 juta berbanding tahun sebelumnya.

“Zakat perniagaan pula menyumbang RM54.1 juta, diikuti zakat wang simpanan RM24.4 juta dan zakat harta RM13.5 juta. Selebihnya terdiri daripada zakat emas/perak, saham, ternakan, qadha, pertanian dan padi dengan jumlah kumulatif RM19.2 juta,” katanya ketika membentangkan Laporan Khas Kutipan dan Agihan Zakat MAIK Tahun 2024 di sini, hari ini.

Beliau menegaskan bahawa beberapa faktor utama menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat

tahun lalu, termasuk pertumbuhan ekonomi yang baik, kepercayaan pembayar zakat terhadap ketulusan agihan, serta keberkesanan strategi promosi dan penerangan yang berjaya menarik lebih ramai penyumbang.

“Sebanyak 30,865 pembayar zakat melalui potongan gaji menyumbang RM86.3 juta, iaitu 30 peratus daripada keseluruhan kutipan zakat. Peningkatan ini mencerminkan kesedaran umat Islam di Kelantan yang semakin tinggi terhadap kewajipan berzakat,” ujarnya.

Tengku Tan Sri Mohamad Rizam turut menzhahirkan penghargaan kepada semua pembayar zakat yang terus menyokong usaha MAIK dalam memperkasakan institusi zakat dan memastikan kebajikan umat Islam terpelihara.

“MAIK komited untuk mengagihkan setiap sen zakat yang diterima secara telus dan berkesan kepada golongan yang berhak,” katanya.

MYIPO PERLUAS AKSES PERKHIDMATAN DI KELANTAN, PEJABAT SATELIT DI KOTA BHARU DIRASMI

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 20 Februari – Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) terus memperkuuh akses perkhidmatannya di Pantai Timur dengan pembukaan Pejabat Satelit di Al-Waqf Garden Boulevard @ Tunjong sebagai pusat perkhidmatan baharu bagi usahawan dan masyarakat setempat.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengurus MyIPO, Ts. Dr. Mohd Zuhani Mohd Zain, yang menegaskan bahawa inisiatif tersebut adalah sebahagian daripada langkah strategik MyIPO dalam memperluaskan perkhidmatan perlindungan harta intelek kepada komuniti perniagaan di Kelantan.

“Sebelum ini, MyIPO telah membuka Pejabat Satelit di Terengganu dan Perak pada tahun lalu serta di Kedah pada awal tahun ini. Pembukaan di Kota Bharu ini akan memastikan usahawan tempatan lebih mudah mengakses khidmat

perlindungan harta intelek bagi memelihara keunikan dan daya saing produk mereka,” katanya dalam ucapan perasmian, semalam.

Sementara itu, Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan Kelantan YB Mejar (B) Dato’ Md Anizam Ab Rahman, menyambut baik pembukaan pejabat tersebut yang disifatkan sebagai satu peluang besar kepada usahawan tempatan.

Beliau optimis bahawa pembukaan Pejabat Satelit MyIPO Kota Bharu itu dijangka memberi man-

faat besar kepada ekosistem keusahawanan di negeri Kelantan, khususnya dalam aspek pemeliharaan hak cipta dan jenama produk tempatan.

“Peluang terbaik bagi usahawan tempatan mempermudahkan ‘signature’ perniagaan masing-masing melalui khidmat MyIPO yang kini telah berada di Tunjong, Kota Bharu. Insya-Allah lebih banyak aktiviti bersama akan digerakkan bagi menyokong kempen dan pendaftaran produk usahawan agar hak cipta sentiasa terpelihara,” katanya menerusi catatan di laman sosial



pada Rabu.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyampaian sumbangan kepada 50 usahawan asnaf di sekitar Kota Bharu, bertujuan membantu mereka mengembangkan perniagaan serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perlindungan harta intelek dalam memastikan daya saing perniagaan.

Turut hadir dalam majlis perasmian, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) MyIPO, Sh. Arifin Sh. Mohd Noor serta Timbalan Pengarah KPDN Kelantan, Aswadi Jaafar.

KAYUHAN AMAL PKB: PERKASAKAN KECERGASAN STAF, AGIH SUMBANGAN BUAT ASNAD

Oleh: Asri Hamat

TUMPAT, 15 Februari – Sukan, kebajikan dan ukhuwah bergabung dalam Kayuhan Amal Ar-Rahn 2025 anjuran Permodalan Kelantan Berhad (PKB) yang turut menjadi wahana membantu golongan asnaf.

Kayuhan sejauh 17 kilometer dari Masjid Kampung Laut ke Pantai Geting menyaksikan 75 peserta dalam kalangan kakitangan PKB serta anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

Di samping itu, program berkenaan juga merancakkan gaya hidup aktif pemimpin tempatan dan staf PKB dalam melaksanakan tanggungjawab sosial dengan menyantuni asnaf dan institusi pendidikan.

Pengerusi PKB yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Pasir Pekan YB Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob menekankan kepentingan keseimbangan antara kecergasan fizikal dan ketahanan spiritual dalam prestasi kerja.

Katanya, tubuh yang sihat dan minda yang cergas memboleh-



kan seseorang pekerja menuai-kan tanggungjawab dengan lebih baik.

“Program seperti ini bukan sahaja memupuk gaya hidup aktif, malah memperkuuh ukhuwah dalam organisasi,” katanya ketika merasmikan majlis pelepasan peserta di Laman Warisan Kampung Laut.

Menariknya, program itu turut membawa misi kebajikan apabila Maahad Muhammadi Tumpat menjadi destinasi persinggahan utama.

Pengurus Besar PKB, Hassan Shukri Hussein, menjelaskan bahawa kayuhan itu berkonsepkan ‘dua dalam satu’ – kecergasan dan keprilhatinan sosial bergerak seiring.

“Kesihatan yang baik adalah kunci kecemerlangan. Di PKB, kita percaya bahawa tenaga kerja yang sihat dan cergas bukan sahaja meningkatkan produktiviti tetapi juga membentuk komuniti yang lebih sejahtera.

“Program Kayuhan Amal AR-RAHN 2025 ialah aktiviti berbasikal sebagai manifestasi kesungguhan kita menyemarakkan budaya sihat sambil beramal.

“Di samping manfaat kesihatan, kita juga menjalankan tanggungjawab korporat dengan menyampaikan bantuan keperluan asas serta wang tunai kepada golongan memerlukan,” katanya selepas menyerahkan sumbangan kepada sekolah dan 10 asnaf dari Kam-

pung Laut.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKINK Ahmad Nazri Ismail menyerahkan sumbangan kepada YB Mohd Adnan Hassan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Maahad Muhammadi.

Selepas singgahan di sekolah, peserta meneruskan kayuhan hingga ke Pantai Geting. Mereka disambut dengan sesi penutup dan penyampaian cenderahati oleh ADN Kelaboran, YB Mohd Adnan Hassan.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif PKINK Dato' Sr Zamri Ismail dan Setiausaha Majlis Daerah Tumpat YM Tuan Faisal Abdulla.

FAM TRIP XPLORASI “INDAHNYA KELANTAN 2025” PERKUKUH JARINGAN PELANCONGAN MALAYSIA-INDONESIA



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 20 Februari – Kelantan bakal menjadi tumpuan agen pelancongan dan media dari Riau, Indonesia, menerusi program Fam Trip Xplorasi “Indahnya Kelantan 2025” pada 21 hingga 24 Februari ini.

Ia bertujuan memperkuuh jaringan pelancongan antara Malaysia dan Indonesia serta memperkenalkan Kelantan sebagai destinasi utama kepada pasaran negara jiran

itu.

Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa program tersebut akan memberi peluang kepada peserta untuk merasai sendiri keunikan negeri ini melalui lawatan ke lokasi bersejarah, warisan budaya, serta destinasi alam semula jadi yang memukau.

“Antara tarikan utama dalam program ini termasuk Masjid Ar Rahman di Tumpat, yang

menampilkan seni bina Islam yang mengagumkan, serta Laman Warisan Kampung Laut yang mencerminkan keaslian budaya Melayu.

Peserta juga akan menyaksikan persembahan tradisional Wayang Kulit di Gelanggang Seni dan Himpuan Pendikir Indahnya Kelantan yang akan berlangsung pada 21 Februari di Dataran Kemahkotaan Machang,” menurut kenyataan tersebut.

Selain itu, peserta akan dibawa

menikmati keindahan semula jadi Kelantan dengan menaiki bot di Sungai Pengkalan Datu, menghayati keunikan Pulau Suri, serta melihat panorama memukau dari jambatan Guillemand, Gunung Stong, dan Gua Ikan.

Program ini turut memberi peluang kepada peserta untuk merasai kemeriahan Pasar Siti Khadijah yang terkenal dengan produk tempatan, selain mengagumi seni bina klasik Istana Jahar.

Lawatan ke Masjid Buluh dan Masjid Razaleigh turut dimasukkan ke dalam jadual. Kedua-duanya menampilkan keunikan seni bina Islam di Kelantan.

Melalui program berkenaan, dijangkakan para peserta akan membawa pulang pengalaman yang bermakna serta memperkenalkan keindahan Kelantan kepada pelancong di Indonesia melalui pakej-pakej pelancongan yang ditawarkan oleh agen pelancongan tempatan.

KELANTAN GOLD TRADE CATAT JUALAN RM15.7 JUTA TAHUN 2024



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 17 Februari 2025

– Kelantan Gold Trade Sdn Bhd (KGT), anak syarikat milik penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan, mencatat prestasi cemerlang dengan jumlah jualan RM15.7 juta pada tahun 2024.

Pengurus Besar KGT Wan Muhammad Najahuddin Wan Fuad berkata jumlah itu meningkat lebih 90 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Beliau mengakui kejayaan tersebut didorong oleh strategi pengukuhan rangaian perniagaan

melalui pembukaan cawangan wakalah serta pelantikan hampir 200 saudagar individu sebagai wakil jualan.

Katanya, melalui strategi pemasaran yang agresif dan kolaboratif bersama syarikat korporat, KGT optimis untuk mencapai pertumbuhan lebih besar dalam industri logam berharga pada tahun mendatang.

“Bagi menghargai pencapaian luar biasa ini, KGT melalui Jabatan Pembangunan dan Rangkaian Perniagaan (JPRP) menganjurkan Majlis Apresiasi Saudagar dan Rangkaian Perniagaan 2024, yang

diadakan bagi meraikan individu serta organisasi yang mencatatkan jualan tertinggi sepanjang tahun.

“Majlis ini menyaksikan Koperasi Wanita Islam Kelantan (KOWANIS) diumumkan sebagai penerima anugerah utama dengan jumlah jualan RM1.2 juta, diikuti oleh Koperasi Penghulu Negeri Kelantan dengan jualan RM400,000.

“Turut dirai, tiga individu yang mencapai prestasi jualan tertinggi sepanjang tahun dari Negeri Sembilan dan Pulau Pinang,” jelasnya dalam Majlis Hi-Tea merai Wakalah dan Saudagar KGT di sebuah

hotel di sini, hari ini.

Dalam majlis yang sama, KGT turut mengumumkan pelantikan Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA) sebagai Wakalah terbaru.

Lima cawangan wakalah di bawah Ar Rahnu KOPUTRA telah beroperasi bagi menjalankan kaunter jualan dan belian balik produk KGT. Istimewanya lagi, Ar Rahnu KOPUTRA turut menerima gadaian Dirham keluaran KGT.

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat, KGT turut menyerahkan sumbangan sebanyak RM10,000 kepada Yayasan Amal Malaysia.

Dana berkenaan dikumpul melalui jualan produk edisi khas Palestin yang mana RM10 daripada setiap unit yang terjual disalurkan untuk membantu rakyat Palestin.

Untuk rekod, KGT yang ditubuhkan pada 28 Oktober 2008, terus mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju dalam perdagangan emas dan perak di Kelantan.

SEMUA PIHAK BERTANGGUNGJAWAB PERANGI DADAH, LINDUNGI GENERASI MASA DEPAN

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 17 Februari - Penularan tabiat ketagihan dadah dalam kalangan remaja boleh menghancurkan harapan dan masa depan sesebuah negara.

Justeru, memerangi ancaman ini adalah tanggungjawab yang perlu dipikul oleh semua lapisan masyarakat, dari ibu bapa hingga kepada pemimpin, agensi, dan komuniti setempat.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kijang, YB Dato' Dr Izani Husin, yang juga Exco Kerajaan Negeri, menegaskan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting sebagai benteng pertama dalam melindungi anak-anak daripada terjebak dalam penyalahgunaan dadah.

“Ibu bapa adalah individu yang paling dekat dengan anak-anak. Mereka perlu memberikan kasih sayang yang secukupnya, didikan agama yang kukuh, serta mengambil berat mengenai pergaulan dan



aktiviti harian anak-anak mereka,” katanya menerusi hantaran di media sosial, pada Isnin.

Beliau menegaskan bahawa Isu dadah perlu dijadikan topik utama dalam sesi dialog, forum, dan program keibubapaan, agar ibu bapa sentiasa peka terhadap bahaya dadah,” ujarnya.

Tambah beliau, masjid juga perlu diaktifkan sebagai pusat komuniti yang proaktif dalam usaha menangani pengagihan dadah.

“Dengan mendekatkan golongan muda dengan masjid, kita men-

gukuhkan nilai-nilai agama dalam diri mereka, sekali gus membina benteng kukuh terhadap pengaruh negatif, seperti penyalahgunaan dadah,” ujarnya.

Dato' Dr Izani turut menekankan kepentingan program keagamaan dan kemasyarakatan yang berterusan untuk membentuk komuniti yang prihatin dan saling mengambil berat.

Terdahulu, Dato' Dr Izani menghadiri program Walkabout Perdana 2025 sempena Sambutan Peringatan Hari Anti Dadah anju-

ran Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Negeri Kelantan.

Program yang diadakan di Kampung Pulau Kundur, Kota Bharu itu melibatkan pelbagai acara menarik seperti pertandingan lastik, pameran anti dadah, serta Walkabout bersama ikon-ikon anti dadah.

Program tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya dadah serta menggalakkan kerjasama dalam usaha memerangi ancaman ini demi kesejahteraan generasi masa depan.

KELANTAN KUASAI PASARAN EMAS: 500KG BARANG KEMAS DIBAWA MASUK SETIAP BULAN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU – Kelantan terus mengukuhkan kedudukannya sebagai hab utama industri emas di Malaysia dengan kemasukan kira-kira 500 kilogram (kg) barang kemas setiap bulan bagi memenuhi permintaan tinggi pengguna di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Empayar Iman Sdn. Bhd. (Empayar Iman), Zulna Hashim berkata, angka tersebut diperoleh berdasarkan data daripada pengilang-pengilang utama, khususnya dari Pulau Pinang, yang membekalkan emas kepada premis jualan di seluruh negeri.

“Kebanyakan pembekal emas di Kelantan aktif mendapatkan stok dari kilang-kilang di Pulau Pinang. Secara keseluruhan, jumlah bekalan emas yang dibawa masuk ke negeri ini mencecah 500kg sebulan.

“Malah, jika dibandingkan dengan gabungan bekalan di Selangor dan Kuala Lumpur, saya percaya angka di Kelantan jauh lebih tinggi,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Taman Emas Malaysia (TEM) di Bazar Tuan Padang, di sini, pada Sabtu.

Majlis tersebut turut dihadiri Pengerusi Empayar Iman Sdn Bhd dan Pengurus Pusat Bertauliah Akademi Emas Malaysia, Zulkifli Idris.

TEM, pusat jualan emas yang dibuka sejak Julai lalu menjadi destinasi wajib bagi peminat barang

kemas dari seluruh negara.

Menurut Zulna, sebanyak 22 unit kedai emas yang telah siap diubah suai disediakan untuk peniaga beroperasi dalam suasana yang lebih selesa dan eksklusif.

“Selain persekitaran jualan yang kondusif, kita juga memasang sebanyak 54 buah televisyen litar tertutup (CCTV) di kawasan TEM sebagai langkah keselamatan kepada semua pihak,” katanya.

Tambahnya, TEM turut menyediakan pusat pendidikan dan latihan menerusi Akademi Emas Malaysia.

Institusi perintis di Malaysia itu telah mendapat pengiktirafan Jabatan Pembangunan Kemahiran dengan standard Kod Amalan Akreditasi Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) (COPTPA).

“Selain daripada pameran dan jualan, pengajian seni kraf emas turut disediakan di Akademi Emas Malaysia. Kami telah memulakan proses pengambilan pelajar untuk program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang seni kraf emas tahap dua dan tiga selama 14 bulan sejak 15 Januari lalu,” jelasnya.

Setakat ini, seramai 30 pelajar telah menyertai Akademi Emas Malaysia dalam program SKM dan pelajar daripada golongan asnaf telah menyertai program jangka pendek selama tujuh hari bagi mempelajari seni kraf emas menerusi akademi tersebut.

“TEM bukan hanya berfungsi



sebagai pusat jualan emas semata-mata. Kami mahu mewujudkan satu hab lengkap yang merangkumi pendidikan, kemahiran, ilmu, perniagaan dan pemasaran dalam industri emas.

“Kami berharap TEM dapat menjadi pemangkin kepada perkembangan industri emas di Malaysia, khususnya di Kelantan,” ujarnya.

Terdahulu, pada 14 Februari telah berlangsung Majlis Penyerahan Projek hasil kolaboratif di antara UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) dan TEM bagi memperkuuh kerjasama akademik dan

industri, khususnya dalam bidang reka bentuk logam.

“Kerjasama ini melibatkan Kumpulan SIG: Metal Design Group (MDG), UiTMCK, yang menyumbang kepakaran mereka dalam menghasilkan rekaan inovatif dan berestetika tinggi.

“Kerjasama ini menjadi platform untuk mempamerkan hasil kerja berkualiti tinggi dan membuka ruang untuk pertukaran ilmu antara akademia dan industri, sekaligus menggalakkan pembangunan reka bentuk logam yang lebih moden dan berdaya saing,” katanya.



KERAJAAN KELANTAN BAKAL GUBAL DASAR PERUMAHAN BAHRU RMMK 2025

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 15 Februari – Dasar Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) 2025 bakal digubal bagi menggantikan dasar sedia ada yang diperkenalkan pada tahun 2020.

Ia berfokus kepada penyediaan perumahan yang lebih mampu milik, berkualiti dan berdaya huni (liveable), selaras dengan keperluan semasa rakyat negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah yang mewakili Menteri Besar Kelantan YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Dato' Mohd Nassuruddin Daud, mengumumkan perkara itu ketika merasmikan Majlis Penutup Expo Hartanah Kelantan (MAPEX) 2025 di Centre Atrium, KB Mall, di sini, pada Sabtu.

Katanya, dasar perumahan negeri Kelantan dikaji semula setiap lima tahun bagi memastikan ia relevan dengan perkembangan ekonomi, sosio-demografi dan keperluan rakyat.

“RMMK 2025 akan menjadi garis panduan baharu bagi sektor perumahan di negeri ini.

“Dasar baharu ini menekankan pembangunan perumahan yang mampu dimiliki, mencukupi,



berkualiti serta berpandukan prinsip Islam, bagi menjamin keserasian dan kesejahteraan rakyat Kelantan.

“Kerajaan Negeri komited dengan matlamat ‘Satu Keluarga, Satu Rumah’. Oleh itu, RMMK 2025 akan menetapkan syarat serta insentif yang lebih jelas untuk memperkasa pemilikan rumah dalam kalangan rakyat,” katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan pameran MAPEX Kelantan, yang kini memasuki edisi ke-26, anjuran Persatuan Pemaju Hartanah dan Peru-

mahan (REHDA) Kelantan, terus menjadi platform utama dalam mempromosikan projek perumahan baharu.

YB Hilmi memaklumkan bahawa tahun ini, sebanyak 2,000 unit hartaan bernilai RM900 juta ditawarkan kepada pembeli, sedikit menurun berbanding 2,600 unit pada tahun lalu dengan nilai keseluruhan RM1.0 bilion.

“Kerajaan Negeri menyokong penuh aktiviti ahli-ahli REHDA yang terdiri daripada pemaju berlesen berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tem-

patan (KPKT),” katanya.

Mengulas lanjut beliau menjelaskan bahawa, sebagai galakan kepada pembeli, kerajaan negeri turut menawarkan insentif khas kepada orang Melayu bukan anak Kelantan untuk memiliki rumah tanpa perlu menunggu kelulusan Exco, selagi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Beliau juga optimis pengajuran MAPEX 2025 dijangka terus menjadi pemangkin kepada industri hartanah negeri ini, sejarah dengan dasar perumahan baharu yang bakal diperkenalkan.



MPKB-BRI TERUS PERKASA PELANCONGAN KELANTAN, SAMBUT CABARAN ‘INDAHNYA KELANTAN 2025’



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 19 Februari – Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) terus mengorak langkah memperkasakan sektor pelancongan Kelantan dengan pelbagai inisiatif sepanjang Tahun Melawat Kelantan 2024 (TMK24).

Terbaharu, fokus diteruskan ke arah program ‘Indahnya Kelantan 2025’ bagi memastikan momentum industri pelancongan negeri kekal cemerlang.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata pelbagai program dianjurkan sepanjang TMK24 bagi menarik lebih ramai pelancong, termasuk Festival Kebudayaan Kelantan, Malam Jalinan Budaya, Festival Gendang Antarabangsa Kelantan, Expo Pelancongan, serta Pesta

Makanan Kota Bharu.

“MPKB-BRI turut mengadakan program ‘Business to Business’ (B2B) bagi mengukuhkan jaringan industri pelancongan serta menarik lebih banyak kemasukan pelancong ke negeri ini,” katanya ketika berucap di Majlis Makan Malam Meraikan Pemain Industri Pelancongan MPKB-BRI 2025 di sebuah hotel di Kota Bharu, Selasa lalu.

MPKB-BRI turut konsisten melaik taraf infrastruktur pelancongan dengan membaik pulih jalan raya, menyediakan kemudahan awam seperti tandas dan tempat rehat, serta membangunkan lokasi tarikan baharu yang lebih selesa dan mesra pelancong.

“Kami juga memberi perhatian serius kepada aspek kebersihan dan keindahan bandar dengan penyelenggaraan taman, landskap, serta

kerja-kerja pembersihan agar Kota Bharu terus menjadi destinasi yang bersih, selesa dan menarik,” tambahnya.

Selain itu, latihan dan kursus akan terus diberikan kepada pengusaha pelancongan, pemandu pelancong, dan pekerja industri bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, memastikan pengalaman terbaik kepada pelancong yang berkunjung ke Kelantan.

Sebagai penghargaan kepada pemain industri, MPKB-BRI turut mengumumkan pemenang bagi Pertandingan Restoran Hotel, yang menampilkan keunikan sajian serta kualiti perkhidmatan terbaik.

Johan disandang IBIS Styles Kota Bharu Hotel manakala naib johan diraih Hotel Perdana Kota Bharu dan H Elite Design Hotel menduduki tempat ketiga.

Selain itu, Anugerah Khas Perhotelan turut diberikan kepada individu dan hotel yang menunjukkan

kecemerlangan dalam industri.

Hotel Terbaik MAH ialah Hotel Perdana Kota Bharu dan Hotel Terbaik MYBHA milik Tune Hotel Kota Bharu serta Muhammad Azrin Zainal Abidin dinobatkan sebagai Ikon Perhotelan.

Seiring dengan kejayaan TMK24, YB Hilmi menyeru semua pemain industri pelancongan serta pengamal media untuk terus berperanan aktif dalam menjayakan program ‘Indahnya Kelantan 2025’ yang dilancarkan Menteri Besar YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud pada 1 Februari lalu.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Yang Dipertua MPKB-BRI Azi Rahimee Mohamed, Ketua Whip MPKB-BRI Abdul Munib Assyakirin Zakaria, Setiausaha MPKB-BRI Mahzan Che Mohamed, serta wakil dari persatuan hotel dan pemandu pelancong negeri.



KELANTAN SALUR RM110,500 INSENTIF ATLET PARA SUKMA

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 19 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan menyalurkan RM110,500 sebagai insentif kepada atlet Para Sukan Malaysia (SUKMA) Kelantan yang cemerlang dalam Temasya Para SUKMA ke-21 di Sarawak tahun lalu.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, daripada jumlah tersebut, RM85,000 diberikan kepada atlet cemerlang, manakala RM25,500 disalurkan kepada pegawai pengiring.

“Kontinjen Para SUKMA Kelantan berjaya membawa pulang



15 pingat emas, 11 perak dan 17 gangsa, sekali gus menduduki tempat keenam daripada 15 kontinjen yang bertanding.

“Kejayaan ini bukan hanya milik individu, tetapi hasil usaha bersama seluruh pasukan, termasuk atlet, jurulatih, pengurus serta peg-

awai yang bekerja keras memastikan kejayaan ini,” katanya menerusi satu catatan di media sosial pada Selasa.

Menurutnya, kerajaan negeri komited untuk terus menyokong pembangunan sukan, khususnya atlet para bagi memastikan Kelan-



tan terus melakar kejayaan di peringkat lebih tinggi.

Terdahulu, YB Zamakhshari menghadiri Majlis Penyerahan Insentif Pencapaian Cemerlang Kontinjen Para SUKMA XXI Sarawak 2024 Negeri Kelantan di sebuah hotel di sini, pada Isnin.



MPKB-BRI TERUS PERKASA PELANCONGAN KELANTAN, SAMBUT CABARAN 'INDAHNYA KELANTAN 2025'

ISSN 1311-6891 | SYAABAN 1446H | 16-20 FEBRUARI 2025

Buletin دارالنعيم

MINGGUAN

DARULNAIM

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

BERJEMAAH MAGHRIB DI GELANGGANG SERLAHKAN KEUNIKAN SEPAK TAKRAW PIALA TMB 2024

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 16 Februari – Keunikan Kejohanan Sepak Takraw Piala Timbalan Menteri Besar Kelantan 2024 terserlah semasa perlawanan akhir berlangsung, para pemain, pemimpin, dan penonton berjeda seketika di pertengahan perlawanan tersebut untuk bersama-sama menuaikan solat Maghrib berjemaah di gelanggang kejohanan.

Suasana penuh keberkatan itu menyaksikan Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan sendiri mengimamkan solat sebelum sepak mula set penentuan.

Mendapat berkat dan semangat baharu selepas solat, regu Kuala Krai A bangkit dengan penuh bertenaga untuk mengungguli perlawanan akhir yang sengit, mewaskan Bachok A dengan keputusan 2-1.

Aksi final bermula dengan Bachok A lebih agresif, menguasai set pertama dengan kemenangan tipis 15-12. Namun, Kuala Krai A yang dipimpin bekas pemain Kelantan Warriors, Naim Izani Nor, tidak menyerah kalah, kembali mengatur strategi dan mendominasi set kedua dengan 15-9, memaksa perlawanan ditentukan menerusi set ketiga.

Sebelum set penentuan bermula, suasana gelanggang berubah



apabila semua pihak – pemain, pegawai pasukan, serta para penonton – bersama-sama menuaikan solat Maghrib berjemaah di tengah gelanggang kejohanan, menjadikan kejohanan ini bukan sekadar pertandingan sukan, tetapi juga medan pembentukan sahsiah dan disiplin Muslim sejati.

Momentum kemenangan semakin berpihak kepada Kuala Krai A selepas itu, apabila mereka mempermanakan aksi dominan dengan mendahului 11-2, 12-4 dan 14-4, sebelum mengesahkan kejuaraan dengan 15-5.

Sebagai juara, Kuala Krai A membawa pulang wang tunai RM4,000, piala iringan dan pingat.

Sementara naib juara, Bachok A, menerima RM2,000 berserta pingat. Tempat ketiga bersama pula dimenangi oleh Pengkalan Chepa B dan Tanah Merah B, masing-masing menerima RM1,000 serta pingat.

Hadiah disampaikan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan yang menegaskan bahawa sukan bukan sekadar persaingan di gelanggang, tetapi juga medium perpaduan dan pembinaan karakter.

“Sukan sepak takraw bukan sekadar warisan kebanggaan, tetapi juga wadah untuk memperkuuh semangat kesukaran, perpaduan dan disiplin dalam kalangan anak muda Kelantan. Kejohanan ini membuka

ruang kepada bakat baharu untuk dikenangkan ke peringkat negeri dan kebangsaan,” katanya.

Beliau turut menekankan kepentingan menjadikan sukan sebagai medan membentuk keperibadian Muslim sejati.

“Jadikan sukan sebagai ibadah dengan menjaga akhlak, disiplin serta mematuhi syariat. Kejayaan sebenar bukan sekadar bergelar juara di gelanggang, tetapi juga dalam kehidupan,” tambahnya.

Turut hadir, menyaksikan kejohanan yang menghimpunkan 28 regu dari 14 parlimen di Kelantan ialah Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad.



YB Zamakhshari Muhammad



YB Zamakhshari Muhammad